

17 APR 1998

Mahathir-Uganda

DR MAHATHIR BUAT KUNJUNGAN SELAMAT JALAN KE ATAS PRESIDEN UGANDA

KUALA LUMPUR, 17 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengunjungi Presiden Uganda Yoweri Museveni di hotel penginapannya di sini untuk mengucapkan selamat jalan.

Museveni dijangka pulang hari Ahad setelah melawat Malaysia selama empat hari manakala Dr Mahathir akan melawat Johor esok dan Ahad.

Kunjungan selamat jalan itu berlangsung selama 40 minit di suit Hotel Presiden di sini.

Awal hari ini Presiden Uganda itu telah dibawa melawat kilang pemasangan kereta nasional Proton di Shah Alam dan Zon Perdagangan Bebas di Petaling Jaya.

Kedua-dua pemimpin itu telah mengadakan perbincangan dua hala di Jabatan Perdana Menteri semalam, diakhiri dengan acara menandatangani dua perjanjian kerjasama mengenai perdagangan dan ekonomi, saintifik dan kebudayaan.

Apabila muncul dari pertemuan dengan Museveni itu, Dr Mahathir ditanya oleh seorang pemberita dari BBC mengenai mengapa beliau yakin bahawa Malaysia akan dapat pulih dari segi ekonomi.

Perdana menteri mengulangi yang asas-asas (ekonomi) adalah baik sekali.

"Pada umumnya rakyat bersatu dan mereka rasa mereka boleh mengatasinya," katanya.

Ditanya mengenai perjanjian baru mengenai air dengan Singapura, Dr Mahathir berkata persetujuan telah dicapai mengenai pembekalan disambung dan syarat-syarat untuk pembekalan.

"Kami telah mencapai persetujuan tetapi oleh kerana air adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri, Saya perlu mendapatkan persetujuan daripada negeri dahulu," katanya merujuk kepada negeri Johor, negeri yang berjiran dengan Singapura yang menjadi punca bekalan air ke pulau itu.

-- BERNAMA

azz WAT